

KESEDIAAN KETERAMPILAN SOSIAL DALAM KALANGAN GURU-GURU PELATIH DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU (IPG) DENGAN BUDAYA KERJA SEKOLAH:

Kertas Cadangan

¹Mohd Ali bin Jemali, ²Ahmad bin Esa, Dr., ²Razali bin Hassan, Dr.

majsmtk2001@yahoo.com

¹Institut Pendidikan Guru KPM

²Fakulti Pendidikan Teknikal, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Abstrak

Keterampilan sosial mengikut Goleman mempunyai dua elemen iaitu kesedaran sosial dan kemahiran sosial. Guru dengan keterampilan sosial berkemahiran dan berkebolehan dalam menguruskan perasaan terhadap diri dan masyarakat. Kesediaan keterampilan sosial yang tinggi membentuk individu yang berjaya dan cemerlang dalam hubungan intrapersonal. Kajian berbentuk deskriptif ini bertujuan untuk melihat kefahaman guru pelatih terhadap intrapersonal keterampilan sosial iaitu kemahiran sosial dan kesedaran sosial. Kajian ini juga adalah untuk melihat kefahaman pensyarah mengenai penerapan kemahiran sosial dan kesedaran sosial kepada guru pelatih dan kekangannya. Selain itu kajian ini juga adalah untuk melihat kemahiran sosial dan kesedaran sosial yang diperlukan oleh guru besar daripada guru permulaan keluaran IPG. Sampel kajian akan diambil daripada 260 orang guru-guru pelatih di Institut Pendidikan Guru yang sedang mengikuti opsyen Reka Bentuk dan Teknologi. Penyelidik akan menggunakan Teori Kecerdasan Emosi yang terdiri dari dua aspek iaitu kesedaran sosial dan kemahiran sosial. Instrumen kajian yang akan digunakan ialah satu set soal selidik yang mengandungi 2 bahagian iaitu: a) maklumat peribadi dan; b) aspek kecerdasan emosi. Data dikumpulkan melalui soal selidik skala 5 Likert. Data mentah yang diperolehi akan dianalisis dengan perisian SPSS untuk mendapatkan kekerapan, peratus, min, ujian t dan ANOVA.

PENGENALAN

Institut Pendidikan Guru (IPG) merupakan salah satu institut latihan yang membekalkan guru-guru sekolah rendah setiap tahun. Sebagai guru yang baru memulakan tugas terdapat beberapa panduan yang diberikan oleh Mohd Dom (2009), antaranya adalah guru-guru baru hendaklah bersedia menerima sebarang tanggungjawab yang diberikan oleh pengetua atau guru besar mereka. Menurutnya lagi, pengajaran dan

pembelajaran tidak hanya berlaku dalam bilik darjah. Malah guru perlu mempunyai kreativiti dan inisiatif untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran melalui aktiviti di luar bilik darjah. Seorang guru perlu berusaha untuk membentuk kemahiran berfikir kritis dan kreatif murid-murid belajar melalui pengalaman secara terus (kontekstualisme dan konstruktivisme) seperti gerak kerja luar bilik darjah, lawatan sambil belajar dan aktiviti kemasyarakatan yang bersesuaian dengan keperluan murid. Usaha ini melibatkan pembentukan nilai-nilai murni, sahsiah, peribadi mulia serta kemahiran insaniah melalui aktiviti pasukan beruniform, kelab, sukan dan permainan serta lain-lain aktiviti luar darjah. Semua guru bertanggungjawab untuk mengenal pasti dan prihatin terhadap kemajuan dan kelemahan setiap anak didik mereka. Makluman ini bukan sahaja untuk pengetahuan guru bahkan untuk disampaikan kepada ibu bapa atau penjaga.

Dalam menjalankan amanah tersebut, guru tidak boleh melakukannya secara bersendirian. Guru perlu mempunyai pelbagai kemahiran seperti berkomunikasi, kepimpinan, kerja berkumpulan untuk mendapatkan kerjasama dari rakan-rakan sekerja, ibu bapa dan pelajar. Kemahiran untuk menjalinkan hubungan dengan orang lain ini dinamakan keterampilan sosial. Keterampilan sosial ialah kebolehan individu mempelajari pelbagai kemahiran sosial (Delamater & Myers, 2011; Hogg & Vaughan, 2011). Kemahiran sosial yang positif dapat membina hubungan interpersonal dan membolehkan proses interaksi sesama manusia dengan baik serta membawa manfaat kepada semua pihak yang terlibat sama ada dalam bentuk material, kestabilan emosi, peningkatan kekuatan fizikal, intelek atau spiritual (Siwatu & Polydore, 2010). Kesedaran sosial pula mengandungi elemen empati, berorientasi perkhidmatan dan kesedaran organisasi (Holly, 2002).

Guru dengan keterampilan sosial yang tinggi mempunyai penilaian diri yang positif, bersikap positif terhadap persekitaran. Mereka juga berfikiran positif terhadap orang lain, melibatkan diri secara aktif

dalam kumpulan dan menggunakan teknik komunikasi berkesan. Selain itu, keterampilan sosial membolehkan seseorang guru menyelesaikan masalah secara kreatif dengan mengimbangi kepentingan diri sama dengan kepentingan kumpulan (Jennings & Greenberg, 2009; Lynn, 2002). Empati didapati mempunyai kolerasi negatif terhadap sikap agresif. Empati yang tinggi menambah kerelaan individu untuk menghulurkan bantuan kepada orang lain.

Kemahiran-kemahiran tersebut diterjemahkan dalam kandungan kurikulum latihan perguruan yang mendefinisikan bagaimana seseorang guru perlu mereka bentuk pengajaran yang berkesan, mewujudkan suasana bilik darjah yang selesa, mewujudkan suasana keseronokan untuk menimba ilmu serta memupuk ciri-ciri guru profesional yang di sanjung tinggi masyarakat (Ahmad, 2008b; Bahagian Pendidikan Guru, 2003; Darling-Hammond, 1992).

Oleh itu guru pelatih perlu melengkapkan diri sebagai insan guru di samping mampu menyempurnakan program latihan perguruan yang professional (Brackett , Palomera, Mojsa-Kaja, Reyes & Salovey, 2010; White & Burke, 2001). Guru pelatih juga harus memperoleh kemahiran pengajaran yang secukupnya, memiliki ilmu pengetahuan bidang pengkhususan yang universal, bermotivasi tinggi, berkaliber, kompeten, berinovatif, berkarisma dan berupaya menjadi agen reformasi pendidikan yang berwibawa. Guru merupakan komponen teras yang menentukan kejayaan pelaksanaan kurikulum tersurat dan tersirat yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Abdul Ghafar & Ariffin, 2008; Jaafar & Mat Ludin, 2008; Marzuki & Don, 2007).

Jika dilihat dari latihan yang telah diterima, guru permulaan diramal tidak akan menghadapi masalah dalam menjalankan tugas profesionalnya (Jennings & Greenberg, 2009; Olson & Wyett, 2000). Sebaliknya, menurut Ahmad dan Sabak (2009) guru berpotensi menyebabkan masalah di dalam dan luar bilik darjah. Dapatan ini disokong oleh kajian Brackett et. al., (2010); Jordan, Sinclair, & Szabo, S. (2010) bahawa perguruan adalah kerja yang stres. Stres ini disebabkan oleh guru permulaan tidak tahu bersosial secara positif,

gagal berinteraksi dalam masyarakat sehingga bertindak mengasingkan diri kerana tidak tahu bagaimana untuk berinteraksi dengan orang lain kerana perasaan malu, perasaan rendah diri atau tidak mempunyai keyakinan diri. Seterusnya terdapat sebahagian guru permulaan yang tidak dapat mengawal emosi mereka ketika berhadapan dengan pelbagai kerenah pelajar dan persekitaran mereka melakukan perkara-perkara yang boleh menimbulkan kecederaan fizikal dan kesan psikologi (Ahmad, 2008b; Eldar, Nabel, Schechter, Talmor, & Mazin, 2003).

Kajian menunjukkan guru permulaan tidak memahami budaya tingkah laku dalam bilik darjah dan peranan budaya dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Artiles, Harry, Reshley & Chinn, 2002). Ini menyebabkan guru tidak mampu mengajar dengan berkesan dan tidak diterima oleh murid. Akibatnya berlaku kesan negatif seperti keciciran pelajar dan pencapaian akademik yang rendah (Siwatu & Polydore, 2010).

Guru dengan kemahiran sosial yang rendah juga didapati gagal untuk memahami atau mengakui asas budaya tingkahlaku pelajar dalam bilik darjah. Konflik ini boleh membawa kepada salah faham tingkahlaku sekaligus menyebabkan dendaan yang tidak perlu (Weinstein, Tomlinson-Clarke & Curan, 2004). Guru dengan kesedaran sosial yang lemah juga lebih agresif, kurang kesedaran organisasi dan tidak berorientasi perkhidmatan. Mereka tidak menghormati rakan sekerja dan menerima arahan dari pihak atasan (Goleman, 2006).

Guru juga didapati tidak menguasai kemahiran menyelesaikan masalah dan tidak mampu berkomunikasi dengan baik. Selain itu guru yang baru tamat latihan di institut latihan didapati menghadapi masalah dalam menyesuaikan diri bersama masyarakat sekolah (Subari, 2011; Veugelers & Vedder, 2003). Kemahiran sosial yang rendah menyebabkan guru tidak boleh menerima perbezaan pendapat, mementingkan diri sendiri, menganggap dirinya sahaja yang betul, suka mencari kesalahan orang lain, tidak mahu menerima pendapat orang lain dan tidak boleh bekerja dalam satu pasukan sehingga menimbulkan banyak masalah (Ahmad, 2008b; Holly, 2002). Oleh itu kajian ini ingin melihat

keterampilan sosial guru pelatih di IPG dari aspek kemahiran sosial dan kesedaran sosial.

Objektif kajian

Terdapat beberapa objektif khusus kajian ini. Antaranya adalah:

1. Mengenal pasti tahap kemahiran sosial dan kesedaran sosial guru permulaan yang diperlukan oleh pihak sekolah untuk mengajar mata pelajaran Kemahiran Hidup.
2. Mengenal pasti tahap kemahiran sosial dan kesedaran sosial guru pelatih PISMP opsyen Reka Bentuk dan Teknologi selepas kegiatan sahsiah.
3. Menentukan sama ada terdapat perbezaan antara persepsi pensyarah dan guru pelatih PISMP opsyen Reka Bentuk dan Teknologi terhadap kemahiran sosial dan kesedaran sosial selepas kegiatan sahsiah.
4. Membina cadangan model konseptual penambahbaikan kemahiran sosial dan kesedaran sosial guru pelatih IPG.

Kepentingan kajian

Penyelidik berharap hasil kajian ini memberi manfaat kepada pihak-pihak yang berkenaan. Antara pihak yang berkepentingan ini adalah:

1. Guru Pelatih

Kajian yang dijalankan dapat membantu guru pelatih mengenal pasti kesediaan keterampilan sosial mereka. Maklumat yang diperolehi dapat membantu guru pelatih memperkembangkan potensi kemahiran sosial dan kesedaran sosial mereka semasa di IPG. Seterusnya apabila ditempatkan ke sekolah, guru pelatih ini boleh cemerlang dari segi akademik dan keterampilan sosialnya. Keterampilan sosial yang tinggi juga boleh membantu membina kerjaya mereka pada masa hadapan.

2. IPG

Dapatan kajian ini dapat memberi IPG peluang untuk merancang program-program kepada guru pelatih melalui latihan, kursus, tugas dan projek yang mempunyai unsur-unsur meningkatkan keterampilan sosial. Keterampilan sosial yang tinggi membolehkan IPG mempunyai guru pelatih lebih komited terhadap pelajaran, bermotivasi, berjaya dan sihat. Guru pelatih juga boleh mengharumkan nama IPG dengan mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh IPG sama ada dalam peringkat IPG, zon dan kebangsaan.

3. Sekolah

Kajian ini dapat membantu menyampaikan hasrat pihak sekolah mengenai kriteria guru permulaan yang diperlukan dari aspek keterampilan sosial guru permulaan yang dibekalkan oleh pihak IPG. Selain itu hasrat ini akan diterjemahkan kepada pembentukan satu kurikulum yang mengambilkira aspek keterampilan sosial yang lebih mantap.

4. Kementerian Pelajaran Malaysia

Kajian ini diharap dapat memberikan maklumat awal kepada Kementerian Pelajaran Malaysia mengenai keterampilan sosial guru pelatih di IPG. Maklumat ini boleh digunakan untuk mengambilkira skor keterampilan sosial dalam pengambilan calon-calon guru pelatih pada masa hadapan. Ini dapat menjimatkan perbelanjaan dalam melatih semula guru yang sedia ada. Dapatan kajian ini juga dapat digunakan dalam merangka dan merancang kurikulum yang boleh meningkatkan keterampilan sosial guru pelatih di IPG. Penyelidik juga berharap agar langkah-langkah yang sewajarnya perlu diambil oleh Kementerian Pelajaran Malaysia di dalam melahirkan lebih ramai lagi bakal guru yang berwibawa serta berdedikasi tinggi.

Batasan kajian

Kajian ini mempunyai beberapa batasan untuk membantu dan memudahkan perjalanan kajian. Batasan-batasan tersebut adalah seperti berikut:

1. Keputusan kajian ini amat bergantung kepada kejujuran responden kajian menjawab soal selidik.
2. Sasaran penyelidik hanya kepada guru pelatih PISMP yang mengikuti opsyen RBT sahaja.
3. Kaitan antara keterampilan sosial yang diambilkira dalam kajian ini telah dihadkan kepada aspek kesedaran sosial dan kemahiran sosial dalam instrumen kajian.

Skop kajian

Skop kajian ini adalah lokasi kajian, responden dan disiplin keterampilan sosial yang dipilih. Skop tersebut adalah seperti berikut:

1. Sebanyak 5 daripada 27 buah IPG dipilih dalam kajian ini. Pemilihan ini berdasarkan hanya IPG tersebut menawarkan kursus RBT.
2. Penyelidik memilih tiga jenis responden iaitu guru pelatih, pensyarah dan guru besar. Guru pelatih merupakan individu yang mengikuti opsyen PISMP secara sepenuh masa di IPG. Kursus yang dipilih ialah RBT. Pensyarah merupakan tenaga pengajar yang terlibat secara langsung dengan guru pelatih PISMP samada akademik, kokurikulum dan pembentukan sahsiah guru. Guru besar merupakan pentadbir sekolah yang menerima penempatan guru permulaan lepasan IPG dan memberikan tugas akademik dan bukan akademik kepada setiap guru. Guru besar juga menilai prestasi guru berdasarkan tugas yang diberi.
3. Keterampilan sosial yang dipilih dalam kajian ini adalah dari aspek kemahiran sosial dan kesedaran sosial. Aspek selain dari yang dinyatakan tidak digunakan dalam kajian ini.

Sejarah keterampilan sosial.

Professor E.L Thorndike adalah orang terawal menamakan kecerdasan ini sebagai “kecerdasan sosial”. Kecerdasan ini merujuk kepada kebolehan seseorang menguasai kemahiran bergaul dengan orang lain. Sehingga tahun 1980an, nama “kecerdasan sosial” ini digantikan dengan kecerdasan emosi (EQ) oleh Howard Gardner (Gardner, 1983) Beliau telah mengusulkan bahawa bukan kecerdasan intelek (IQ) sahaja yang membuat seseorang itu berjaya tetapi terdapat banyak lagi kecerdasan lain (Sewell, 2009). Beliau telah memperkenalkan dua jenis kecerdasan personal yang berkaitan dengan emosi iaitu kecerdasan interpersonal dan kecerdasan intrapersonal. Kecerdasan interpersonal mengenai dalaman diri seseorang manakala kecerdasan intrapersonal berkenaan hubungan luaran dengan orang lain (Cherniss, Extein, Goleman, & Weissberg, 2006).

Usaha Gardner ini diteruskan oleh Peter Salovey yang memberikan konsep emosi pada diri dan orang lain, regulasi emosi dalam diri dan orang lain serta menggunakan emosi dalam pelbagai arah. Keterampilan sosial ini dijelaskan pada kajiannya pada tahun 1990 bersama pembantunya Peter Mayer (Riitti, 2009; Bradberry, & Greavas, 2005). Seterusnya Reuven BarOn adalah orang yang telah membangunkan instrumen Emotional Quotient Inventory (EQI). Beliau telah menjejak David Wechsler dengan kajiannya pada tahun 1940 mengenai “the nonintellective aspects of general intelligence” yang merupakan asas keterampilan sosial (Sewell, 2009).

Goleman (1998) telah mempopularkan keterampilan sosial sebagai sebahagian daripada kecerdasan emosi. Kajiannya merangkumi bidang perniagaan, akademik dan sains sosial. Goleman membangunkan teori kecerdasan emosinya setelah membuat kajian pada lebih daripada 200 buah organisasi. Beliau menerangkan seseorang individu boleh mendapatkan latihan kelas pertama, memiliki minda yang tajam, dan mempunyai idea yang mencurahkan, tetapi masih tidak boleh menjadikannya pemimpin yang hebat. Goleman (1995) juga menyatakan

selain kecerdasan kognitif dan kepandaian berniaga, seorang individu tidak dapat mengekalkan kejayaan jika mereka tidak mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi. Kecerdasan emosi ini juga menjadikan seseorang individu mempunyai 'harga'.

KENAPA KETERAMPILAN SOSIAL?

Dalam menggambarkan seseorang individu, IQ, kecerdasan emosi dan personaliti perlu digabungkan, supaya gambaran seseorang individu dapat dilihat dengan jelas.

Kecerdasan emosi adalah kecerdasan yang dapat menerangkan mengapa dua individu dengan IQ yang sama mempunyai tahap kejayaan yang berbeza dalam hidup. Kecerdasan emosi merupakan aspek asas tingkahlaku manusia yang berbeza dari kepintaran. Penyelidik tidak menjumpai perkaitan yang jelas antara IQ dengan kecerdasan emosi, kecerdasan emosi tidak boleh diramal dari kepintaran individu (Cherniss, Extein, Goleman & Wiessberg, 2006). Kepintaran IQ adalah kekal dari lahir dan tidak meningkat melalui pembelajaran manakala kecerdasan emosi adalah kemahiran yang fleksibel dan boleh dipelajari. Personaliti pula adalah gaya yang ditafsirkan oleh individu. Seperti IQ, personaliti juga tidak boleh digunakan untuk meramal keterampilan sosial. Personaliti juga adalah stabil sepanjang hayat. Oleh itu kecerdasan emosi yang tinggi boleh dipelajari walaupun kita tidak dilahirkan dengannya. Apabila IQ, kecerdasan emosi dan personaliti digabungkan, gambaran seseorang individu dapat dilihat dengan jelas.


Kerangka Teori Keterampilan Sosial

Fungsi	Orang lain
	Keterampilan sosial
Mengenal pasti	Kesedaran sosial <ul style="list-style-type: none"> - Empati - Berorientasi perkhidmatan - Kesedaran organisasi
Peraturan	Kemahiran sosial <ul style="list-style-type: none"> - Membangunkan orang lain - Daya memujuk - Komunikasi - Pengurusan konflik - Kepimpinan - Membina hubungan - Kerja berkumpulan - Berkolaboratif

Sumber: Goleman, Boyatzis & McKee (2002).

Kerangka konseptual

Kerangka konseptual kajian adalah seperti rajah di bawah.



Pemboleh ubah kajian

Berdasarkan kerangka konseptual, pemboleh ubah- pemboleh ubah bagi kajian ini adalah seperti berikut:

(a) Pemboleh ubah bebas

Creswell (2003) menjelaskan pemboleh ubah bebas merupakan faktor-faktor yang diukur, dimanipulasi atau dipilih oleh penyelidik untuk menentukan hubungannya dengan fenomena yang diperhatikan. Pemboleh ubah bebas terdiri dari aspek kemahiran sosial dan kesedaran diri.

(b) Pemboleh ubah bersandar

Pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini ialah keterampilan sosial. Menurut Mohd Noah (2002) pemboleh ubah bersandar merupakan faktor yang diperhatikan dan diukur untuk menentukan kesan pemboleh ubah tidak bersandar. Dalam melaksanakan keterampilan sosial, guru mempunyai sumber yang terdiri dari kemahiran sosial dan pengurusn diri. Ciri-ciri yang perlu ada dalam komponen ini perlu dibina melalui item-item tertentu yang dapat mengukur keterampilan sosial daripada persepsi orang lain. Dengan demikian keterampilan sosial merupakan pemboleh ubah bersandar yang merupakan fenomena yang ingin diukur dan diperhatikan dalam kajian ini.

METADOLOGI

Reka bentuk Kajian.

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif kerana ia lebih berstruktur, mempunyai darjah kekaburan yang minimum, makna jelas, bercorak linear, mempunyai penjadualan yang jelas dan menumpu kepada hasil (Creswell, 2008; Berg, 2007).

Data deskriptif dapat menghuraikan ciri-ciri variable (min, sisihan piawai) manakala data inferensi adalah membuat generalisasi keputusan kajian melalui ujian-t dan ANOVA

Populasi dan sampel kajian

Populasi kajian terdiri daripada 755 guru pelatih PISMP opsyen RBT yang sedang menjalani latihan perguruan di IPG dari semester 1 hingga semester 8. Populasi ini seperti dalam jadual di bawah.

Populasi Guru Pelatih PISMP Opsyen RBT di IPG-IPG.

Nama IPG	Semester				Jumlah
	1	3	5	7	
IPGK Teknik	59	59	59	0	177
IPGK Temenggong Ibrahim	0	40	40	20	100
IPGK Tun Hussein Onn	40	80	60	40	220
IPGK Perlis	40	40	40	0	120
IPGK Sultan Mizan	0	38	80	0	118
IPGK Keningau	0	0	0	20	20
Jumlah	139	257	279	80	755

Sumber: Ketua Jabatan Kemahiran Hidup dan Jabatan Pendidikan Teknikal di IPG

Kjercie dan Morgan (1970) menyatakan bahawa semakin besar saiz populasi kajian, semakin besar pula saiz sampel diperlukan. Mereka juga telah mencadangkan dengan populasi antara 755 orang, sampel yang memadai adalah 260 orang.

Kaedah Statistik yang digunakan bagi setiap persoalan kajian

Setiap persoalan kajian akan dianalisis mengikut kaedah statistik seperti dalam jadual di bawah.

Jadual analisis statistik persoalan kajian

Bil	Persoalan kajian	Statistik
1	Apakah tahap keterampilan sosial guru permulaan yang diperlukan oleh pihak sekolah untuk mengajar mata pelajaran Kemahiran Hidup?	Analisis deskriptif (min dan sisihan piawai)
2	Apakah tahap keterampilan sosial guru pelatih PISMP opsyen RBT selepas kegiatan sahsiah?	Analisis statistik inferens (ujian-t) Aras signifikan ialah 0.05
3	Adakah terdapat perbezaan antara persepsi pensyarah dan guru pelatih PISMP opsyen RBT terhadap keterampilan sosial selepas kegiatan sahsiah?	Analisis statistik inferens (ANOVA) Aras signifikan ialah 0.05
4	Membina cadangan model konseptual penambahbaikan keterampilan sosial guru pelatih IPG?	Analisis deskriptif (min dan sisihan piawai).

Jangkaan Dapatan

Model yang dicadangkan ini memberi peluang kepada pensyarah untuk mencuba menerapkan keterampilan sosial melalui kurikulum yang disediakan. Guru pelatih IPG pula terdedah dengan suasana yang mempengaruhi keterampilan sosial di sekeliling mereka samada di bilik kuliah, aktiviti kokurikulum dan pembentukan sahsiah guru. Pihak sekolah pula mempunyai pilihan menggunakan keterampilan sosial untuk membimbing guru permulaan dalam memahami diri.

Rujukan

- Abdul Ghafar, M. N. & Ariffin, M. N. (2008). Kesan latihan Perguruan Ke Atas Faktor Pemilihan Guru. *Jurnal Teknologi*, 48(E). 15-31.
- Ahmad, A. (2008a). Kepentingan Pendidikan Dalam Pembentukan Kualiti Hidup Sejahtera *Malaysian Education Dean's Council Journal*, 2, 1-11.
- Ahmad, A. & Sabak, R. (2009). *Teacher-Student Attachment And Teachers' Attitudes Toward Works*. *Jurnal Pendidik Dan Pendidikan*, 24, 55-72.
- Ahmad, Y. (2008b). Masalah kesediaan guru permulaan: Sekolah perlu memainkan peranan utama untuk menyelesaikannya. *Jurnal Penyelidikan IPSAH*, 1-9.
- Artiles, A. J., Harry, B., Reshley, D.J., & Chinn, P.C. (2002). Overidentification of Studente of Color in Special Education. *Multicultural Perspective*, 4, 3-10.
- Bahagian Pendidikan Guru. (2003). *Memperkasa Pendidikan Guru Ke Arah Pendidikan Berkualiti*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bradberry, T. & Greavas, J. (2005). *The Emotional Intelligence Quick Book*. Fireside; USA
- Berg, B. L. (2007). *Qualitative Research Methods for the Social Sciences, Sixth Edition*. Boston: Allyn & Bacon.
- Brackett, M. A., Palomera, R., Mojsa-Kaja, J., Reyes, M. R. & Salovey, P. (2010). Emotion-Regulation Ability, Burnout, And Job Satisfaction Among British Secondary-School Teachers. *Psychology In The Schools*, 47(4), 406-417.
- Cherniss, C., Extein, M., Goleman, D., & Weissberg, R. P. (2006) Emotional Intelligence: What Does The Research Really Indicate? , *Educational Psychologist*, 41(4), 239-245
- Creswell, J.W. (2003). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches (2edition)*. California: Sage Publication.

- Creswell, J.W. (2008). *Educational Research: Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research (3rd Edition)*. New Jersey: Prentice Hall.
- Darling- Hammond, L. (1992). Teaching and Knowledge: Policy Issues Posed by Alternative Certification for Teachers. *Peabody Journal of Education*, 67(3), 123-154.
- Delamater, J. D & Myers, D. J (2011). *Social Psychology 7th Ed.* Wardsworth Cengage Learning: Belmont.
- Gardner, H. (1983). *Frames of Mind*. Basic Books: New York
- Goleman, D. (1998). *Working with Emotional Intelligence*. Bantam Books: Toronto.
- Goleman, D. (2006). The Socially Intelligent. *Educational Leadership*, September, 76-81.
- Holly, S. C. (2002). *An Exploration Of Intelligence Scores Among Students In Educational Administration Endorsement Program*. East Tennessee State University. Tesis Doktor Falsafah.
- Kjercie, R.V & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological measurement*, 1970. 30. m.s 607-610
- Jaafar, M. N, & Mat Ludin, I. (2008). Kajian Stres Guru Pelatih Praktikum KPLI j-Qaf. *Jurnal Penyelidikan IPSAH*, 55-69.
- Jeninngs, P.A., Greenberg, M.T. (2009). The Prosocial Classroom: Teacher Social And Emotinal Competence In Relation To Student And Classroom Outcome. *Review of Educational Research*, 79, 491-525.
- Jordan, M. A., Sinclair, B. B. & Szabo, S. (2010). What Is A First-Year Elementary School Teacher Do? Supplying The Classroom For The Early Elementary Grades. *The Delta Kappa Gamma Buletin*, 6-11.
- Lynn, S.K. (2002). The Winding Path: Understanding the Career Cycle of Teachers. *Journal of Education*, 75(4), 179-183.
- Marzuki, S. & Don, Y. (2007). Kecerdasan Emosi dan Kepimpinan Pendidikan dalam Pembentukan Sekolah Berkesan. *Masalah Pendidikan* 30(1). 113-125.

- Mohd Dom, A. (2009, Disember, 17). Guru Bukan Sekadar Mendidik. *Utusan Malaysia*. ms 12
- Mohd Noah, S. (2002). *Reka Bentuk Penyelidikan: Falsafah, Teori Dan Praktis*. Serdang: Universiti Putra Malaysia Publisher.
- Olson, C. O. & Wyett, J. L. (2000). Teachers need affective competencies. *Education*, 120(4), 741-745.
- Riitti, S. (2009). Emotional Intelligence And Moral Agency: Some Worries And Suggestion. *Philosophical Psychology*, 22(2), 143-165.
- Sewell, G. F. (2009). Emotional Intelligence and the army Leadership Requirements Model. *Military Review*, November-December 2009 ms 93-98
- Siwatu, K. O. & Polydore, C. L. (2010). Resolving a Cultural in the Classroom: An Exploration of Preservice Teachers' Perceptions of Effective Intervention. *The Journal of Negro Education*, 79(4). 458-472.
- Subari, H., Othman, N. (2011). *Hubungan Kecerdasan Emosi Dengan Pencapaian Akademik Pelajar*. Kertas kerja dibentang di Seminar Pendidikan pada 13-14 Julai 2011.
- Veugelers, W. & Vedder, P. (2003). Values in Teaching. *Journal of Teachers and Teaching: Theory and Practice*, 9(4), 76-89.
- Weinstein, C.S., Tomlinson-Clarke, S., & Curan, M. (2004). Toward A Conception Of Culturally Responsive Classroom Management. *Journal Of Teacher Education*, 55, 25-38.
- White, W.F. & Burke, C.M. (2001). Critical Thinking and Teaching Attitudes of Preservice Teachers. *Journal of Education*, 112(3), 443-450.